

D996

R 8698 AAB
CHOGM - MAHATHIR
(I)

OLEH SYED JAMIL JAAFAR

NASSAU, BAHAMAS, 17 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) YANG BERMULA DI SINI HARI INI BAHAWA PERTUBUHAN ITU TIDAK SEHARUSNYA WUJUD JIKA ENGGAN MELAKUKAN SESUATU UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA, JIKA KOMANWEL HENDAK WUJUD, IA HARUS BERTINDAK DEMI KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR ADALAH ANTARA BEBERAPA ORANG PERDANA MENTERI YANG DIBERI PENGHORMATAN BERUCAP SELEPAS IUCAPAN PEMBUKAAN OLEH PERDANA MENTERI BAHAMAS, SIR LYNDEN PINDLING.

PERDANA MENTERI YANG LAIN IALAH PERDANA MENTERI KANADA, BRIAN MULRONEY, ROBERT MUGABE DARI ZIMBABWE, RAJIV GANDHI DARI INDIA DAN PERDANA MENTERI AUSTRALIA, BOB HAWKE.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENIMBULKAN MENGENAI DASAR APARTHEID DI AFRIKA SELATAN, PENINDASAN DI NAMIBIA DAN KERUNTUHAN EKONOMI NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN AKIBAT DASAR EKONOMI NEGARA-NEGARA MAJU. -- LAGI

D999

R B699 AAB
CHOGM - MAHATHIR 2 NASSAU

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA TIDAK ADA MANA-MANA KERAJAAN DI DUNIA INI SEKARANG YANG MENYERUPAI REGIM DI AFRIKA SELATAN DAN SEPERTI JUGA ISRAEL, IA TIDAK MEMATUHI NORMA-NORMA ANTARABANGSA.

BELIAU BERKATA BAHAWA REGIM MINORITI KULIT PUTIH DI NEGARA ITU WUJUD KERANA MASYARAKAT CENDERUNG MENGECEM APA YANG DIKATAKAN SEBAGAI DASAR PERKAUMAN DI NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN TETAPI TIDAK BERANI +BERSUARA+ MENGENAI APA YANG BERLAKU DI NEGARA ITU.

+SESETENGAH NEGARA MEMPUNYAI ALASAN MENGAPAKAH SEKATAN PERDAGANGAN TIDAK HARUS DIKENAKAN TERHADAP NEGARA ITU KERANA MENURUT MEREKA MASYARAKAT KULIT HITAM AKAN MENDERITA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA HAKIKATNYA IALAH MASYARAKAT KULIT HITAM DI NEGARA ITU TELAH PUN TERUK MENDERITA AKIBAT DASAR ITU.

+JIKA SEKATAN ITU DAPAT MERUNTUHKAN DASAR PENINDASAN SEPERTI APARTHEID, MAKA IA HENDAKLAH DIKENAKAN OLEH NEGARA-NEGARA YANG BERKEUPAYAAN MELAKUKANNYA DAN KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN BERMAKNA BAHAWA NEGARA-NEGARA BERKENAAN BERSIKAP +HIPOKRIT+. -- LAGI

CHOGM - MAHATHIR 3 NASSAU
(I)

MENGENAI NAMIBIA, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA AMATLAH MALANG RAKYAT NAMIBIA DIHUKUM SEMATA-MATA KERANA KESALAHAN YANG DILAKUKAN OLEH NEGARA LAIN.

+MENGAPAKAH NAMIBIA DIDUDUKI KERANA TENTERA CUBA BERADA DI ANGOLA?+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA KOMANWEL HENDAKLAH BERTINDAK DAN CUBA MENGATASI MASALAH SEPERTI DASAR APARTHEID DAN MEMULIHKAN KEADAAN EKONOMI DUNIA SERTA MENGHAPUSKAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI KAUM.

+KOMANWEL HENDAKLAH MENGAKU BAHAWA IA SEBENARNYA GAGAL MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH PENYELESAIAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA ANGGOTANYA, KALAU TIDAKPUN DUNIA,+ KATANYA PADA PARA PRESIDEN DAN PERDANA MENTERI DARI 45 NEGARA LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KONSEP KEADILAN TELAH BERUBAH MEMANDANGKAN NEGARA-NEGARA DI DUNIA MEMPERKUKUHKAN BIDANG EKONOMI, POLITIK DAN TENTERA MASING-MASING SEMENTARA EKONOMI NEGARA-NEGARA MISKIN PULA MUSNAH AKIBAT DASAR EKONOMI NEGARA-NEGARA MAJU.

KATANYA, NEGARA-NEGARA YANG BERPENGARUH MENGENAKAN TEKANAN KE ATAS NEGARA-NEGARA TERTENTU SUPAYA MENOLAK TUNTUTAN-TUNTUTAN YANG SAH SEPERTI ANTARTIKA DAN TIDAK HAIRANLAH KALAU NEGARA-NEGARA YANG KUAT MENDUDUKI NEGARA JIRANNYA KERANA MENDAKWA UNTUK MEMPERTAHAKAN KESELAMATANNYA. -- LAGI.

CHOGM - MAHATHIR 4 NASSAU
(I)

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA NEGARA-NEGARA YANG LEMAH TERPAKSA TUNDUK KEPADA TEKANAN ITU KERANA TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENIMBULKAN SOAL KEMEROSOTAN HARGA BARANGAN UTAMA SEDANGKAN HARGA BARANGAN KELUARAN KILANG MENINGKAT.

KATANYA, NEGARA-NEGARA MAJU SENDIRI MENETAPKAN HARGA BARANGAN UTAMA MELALUI PERTUKARAN KOMODITI DI KALANGAN MEREKA SENDIRI DAN +JIKA MANA-MANA NEGARA BERKENAAN MENUNJUKKAN TANDA-TANDA AKAN MENGALAMI KERUGIAN, MAKA MEREKA MEMINDA PERATURAN PERDAGANGAN.+

+MEREKA JUGA MENYEBARKAN KHABAR-KHABAR ANGIN DENGAN TUJUAN UNTUK MEMPENGARUHI HARGA DAN AKHBAR NEGARA-NEGARA BARAT MEMBANTU MEREKA.+

PERDANA MENTERI BERKATA, SESETENGAH NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN CUBA MENJADI NEGARA PERINDUSTRIAN DAN MENGEKSPORT BARANGAN MEREKA TETAPI DASAR PERLINDUNGAN PERDAGANGAN YANG DIKENAKAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU MENGHALANGINYA. -- BERNAMA.

1102MST 17 10 85